

09 MAY 1996

EMPAT LAGI WAKIL RAKYAT KEDAH TEMUI PM

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Empat lagi Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) dari Kedah termasuk Speaker Datuk Zainol Md Isa menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini dan menyatakan sokongan mereka kepada sesiapa sahaja yang akan dilantik sebagai Menteri Besar Kedah yang baru.

Mereka menyerahkan sepenuhnya kepada Perdana Menteri untuk memilih dan melantik Menteri Besar yang baru.

ADUN yang terdiri daripada Zainol (Kupang), Timbalan Speaker Ghazali Ibrahim (Pedu), Ketua Pergerakan Wanita UMNO Kubang Pasu Hajah Barishah Saad (Tunjang) dan Hajah Fatimah Ismail (Sungai Tiang) itu menemui Perdana Menteri secara berasingan di pejabatnya di sini.

Bagaimanapun Ghazali yang menemui Perdana Menteri lebih awal daripada dengan mengiringi Zainol.

Dr Mahathir mengumumkan Isnin lepas bahawa Tan Sri Haji Osman Aroff telah menyerahkan surat perletakan jawatannya sebagai Menteri Besar Kedah.

Zainol yang ditemui selepas pertemuan itu berkata, semua perlantikan Menteri Besar adalah hak mutlak Perdana Menteri dan beliau menyerahkan sepenuhnya keputusan berhubung perkara itu kepada Dr Mahathir.

Barishah berkata terserahlah kepada budi bicara Perdana Menteri untuk melantik sesiapa sahaja sebagai Menteri Besar Kedah yang baru menggantikan Tan Sri Osman Aroff.

Semalam empat Anggota Dewan Undangan Negeri dari Kedah menemui Dr Mahathir dan menyatakan sokongan mereka kepada Perdana Menteri manakala pada Selasa, tujuh ADUN serta 11 anggota Parlimen dari negeri itu berbuat demikian. -- BERNAMA

SN NMO